

JAWAPAN

TEMA
9

Indah Seni, Endah Budaya

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kelab Kesenian dan Seni Kreatif, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rambai, Melaka akan menyertai Pertandingan Gubahan Bunga Peringkat Daerah Melaka Tengah pada 8 Jun 2020. Oleh itu, kelab tersebut mengadakan uji bakat dalam kalangan ahlinya pada 23 Mei 2020 bersamaan hari Sabtu, pukul 10.00 pagi hingga 1.30 tengah hari di dewan sekolah. Ahli persatuan yang ingin menyertai uji bakat perlu membawa peralatan dan bahan sendiri. Pada pendapat saya, pihak sekolah tidak menyediakan peralatan dan bahan untuk pertandingan uji bakat supaya para peserta lebih kreatif menghasilkan gubahan kerana mereka dibenarkan untuk membawa barang-barang keperluan sendiri selain menjimatkan kos pihak sekolah. Di samping itu, para peserta dapat merahsiakan gubahan bunga yang hendak disediakan. Ahli-ahli yang terpilih akan menghadiri kelas gubahan bunga yang dikendalikan oleh Puan Maslina binti Khairuddin, guru penasihat Kelab Kesenian dan Seni Kreatif. Kelas gubahan bunga diadakan supaya para peserta mengikut tatacara yang betul dan lebih yakin menyertai Pertandingan Gubahan Bunga Peringkat Daerah Melaka Tengah itu nanti. Ahli persatuan yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi Setiausaha Kelab Kesenian dan Seni Kreatif, iaitu Puan Fauziah binti Ali.

PBD Kemahiran Membaca

Permainan wau antara permainan tradisional di Malaysia dan sangat terkenal di negeri Kelantan serta Terengganu. Permainan ini masih dimainkan oleh pelbagai lapisan masyarakat hingga kini. Terdapat pelbagai bentuk wau. Wau bulan paling terkenal kerana sangat cantik dan bentuk bahagian ekornya unik. Selain dimainkan sebagai sumber hiburan dan untuk tujuan pertandingan, wau dicipta untuk dijadikan perhiasan dinding dan kraf tangan. Bahan asas untuk membuat wau, iaitu buluh mestilah daripada buluh yang baik dan kering supaya wau yang dihasilkan baik mutunya. Terdapat dua orang pemain yang memainkan sesebuah wau, iaitu juruanjung dan jurutali. Walaupun zaman terus berubah, namun permainan wau masih terus popular. Permainan ini tetap kekal sebagai warisan bangsa yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

PBD Kemahiran Menulis

Kesalahan tatabahasa	Pembetulan
1. Tarian didefinisikan sebagai gerakkan badan, tangan, dan kaki mengikut rentak muzik yang dimainkan.	1. Tarian didefinisikan sebagai gerakan badan, tangan, dan kaki mengikut rentak muzik yang dimainkan.

2. Tarian yang dipersembahkan dari setiap kaum mempunyai asal-usul dan tujuan tersendiri.	2. Tarian yang dipersembahkan oleh setiap kaum mempunyai asal usul dan tujuan tersendiri.
3. Pelbagai langkah-langkah harus dijalankan untuk mempopularkan tarian tradisional tempatan.	3. Pelbagai langkah harus dijalankan untuk mempopularkan tarian tradisional tempatan.
4. Media elektronik disarankan agar menyiarkan tarian tradisional seperti makyung, gamelan, kipas, ngajat, dan lain-lain di dalam slot selingan.	4. Media elektronik disarankan agar menyiarkan tarian tradisional seperti makyung, gamelan, kipas, ngajat, dan lain-lain dalam slot selingan.
5. Selain daripada itu , mereka digalakkan untuk menubuhkan Kelab Tarian Mahasiswa bagi mempopularkan tarian tradisional pada peringkat negara dan luar negara.	5. Selain itu , mereka digalakkan untuk menubuhkan Kelab Tarian Mahasiswa bagi mempopularkan tarian tradisional pada peringkat negara dan luar negara.
6. Langkah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memperkenalkan pelancongan berasaskan kepada seni dan budaya dalam program-program anjurannya berupaya untuk mempopularkan tarian-tarian tradisional kepada pelancong.	6. Langkah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memperkenalkan pelancongan berasaskan seni dan budaya dalam program-program anjurannya berupaya untuk mempopularkan tarian-tarian tradisional kepada pelancong.

PBD Aspek Tatabahasa

mencuci; dipersiang; Lumur; Panaskan; goreng; mengisar; diarahkan; memasukkan; dijerang; dititik; memperlahankan; menuang; mencurahkan; mengingatkan; mengacau; berketul; mendidih; memadamkan; dihidangkan